

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN
AYUB [PULAI]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [PULAI] minta **PERDANA
MENTERI** menyatakan status terkini Rang Undang-undang Suruhanjaya
Parlimen

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Draf Rang Undang-undang
Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen telah disediakan. Kerajaan sedang
menghalusi dan meneliti penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen
Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah cukai produk petroleum yang dituntut oleh Kerajaan Negeri Sarawak, nyatakan jumlah yang sudah dibayar balik kepada Kerajaan Sarawak dan anggaran jumlah yang perlu dibayar bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cukai jualan ke atas produk petroleum atau dikenali sebagai *State Sales Tax* (SST) berjumlah RM2.9 bilion telah dibayar oleh pihak PETRONAS kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak pada 15 September 2020 untuk tempoh perakaunan 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019.

2. Cukai jualan bagi tempoh perakaunan 2020, 2021 dan 2022 akan ditentukan dan dibayar berdasarkan penilaian oleh Pengawal Selia Cukai Jualan Negeri Sarawak (*Sarawak Comptroller of State Sales Tax*) mengikut ketetapan yang diperuntukkan di dalam Ordinan Cukai Jualan Negeri 1998. Sekian, terima kasih.